



22 JUN, 2025

Tarif baharu elektrik pastikan golongan B40, M40 tak terbeban



Berita Harian Ahad, Malaysia

Tarif baharu elektrik pastikan golongan B40, M40 tak terbeban

Pengguna berpendapatan rendah kurang gunakan tenaga bayar caj berpatutan

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pelaksanaan jadual tarif elektrik baharu yang bermula bulan depan berupaya memastikan golongan berpendapatan rendah dilindungi, tidak terbeban serta mengalakkan penggunaan tenaga secara bijak.

Timbalan Pengarah (Pengurusan Risiko) Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Mohd Hafizuddin

Syah Bangaan Abdullah, berkata langkah itu juga dapat memastikan golongan B40 dan M40 yang kurang menggunakan elektrik membayar caj lebih berpatutan.

Berdasarkan pengumuman kerajaan, lebih 85 peratus pengguna domestik di Semenanjung tidak akan mengalami kenaikan tarif. Jadi, mereka yang menggunakan elektrik kurang 200 kilowatt sejam (kWj) sebulan, sememangnya menikmati manfaat penurunan tarif.

"Berikut tarif baharu ini mencerminkan kos sebenar, ia secara tidak langsung meningkatkan kesedaran dan disiplin penggunaan tenaga dalam kalangan rakyat berjimat dan ia menyumbang kepada kelestarian alam sekitar," katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin Suruhanjaya Tenaga (ST) memaklumkan lebih 23.6 juta pengguna domestik di Semenanjung bakal menikmati kadar tarif elektrik yang lebih adil dan progresif menerusi pelaksanaan jadual tarif elektrik

baharu yang akan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025 hingga 31 Disember 2027.

Menurutnya, penetapan tarif itu di bawah kerangka kerja Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) selaras dengan peruntukan Seksyen 26, Akta Bekalan Elektrik 1990 yang mana perubahan tarif elektrik bagi Tempoh Regulatori Keempat (RP4) membabitkan penstrukturkan semula tiga komponen, iaitu kadar purata tarif asas, jadual tarif baharu dan mekanisme pelarasan

kos bahan api.

Pastikan operasi TNB stabil

Mohd Hafizuddin Syah, berkata penetapan tarif baharu ini penting bagi memastikan Tenaga Nasional Berhad (TNB) terus beroperasi dengan stabil dan cekap tanpa menanggung beban subsidi yang tidak mampan.

"Langkah penyusunan semula tarif dan mensasarkan subsidi kepada golongan memerlukan membantu kerajaan mengurangkan risiko defitit belanja-

wan jangka panjang.

"Selain itu, struktur tarif baharu akan merangsang penggunaan tenaga secara lebih cekap, sekali gus mengurangkan risiko bekalan tenaga tidak mampan dalam jangka panjang."

"Dengan tarif mencerminkan kos sebenar, pengguna terutama industri dan komersial akan melabur dalam tenaga solar, teknologi cekap tenaga dan penyelesaian hijau, yang menyokong agenda ekonomi hijau negara," katanya.

EXCO Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia (MACFEA), Norzalina Zainudin, berkata kadar purata tarif asas diturunkan daripada 45.62 sen/kWj di bawah Tempoh Regulatori Ketiga (RP3) kepada 45.40 sen/kWj dalam RP4, mencerminkan usaha kerajaan dan penyedia utiliti seperti TNB mengoptimumkan kos operasi melalui penjanaan tenaga lebih cekap serta memperkuuh peralihan kepada sumber tenaga boleh diperbaharui.

“Berikut tarif baharu ini mencerminkan kos sebenar, ia secara tidak langsung meningkatkan kesedaran dan disiplin penggunaan tenaga dalam kalangan rakyat berjimat”

Mohd Hafizuddin Syah Bangaan Abdullah,
Timbalan Pengarah (Pengurusan Risiko) Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UKM

